

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
ISNIN, 26 SAFAR 1448H BERSAMAAN 10 OGOS 2026M**

PJL05/02/2026

1

No. Soalan: PL311

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHD.  
SALLEH BIN HAJI OTHMAN**

**TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk mengintegrasikan pendidikan alam sekitar dan perubahan iklim secara lebih menyeluruh ke dalam kurikulum pendidikan negara bagi melahirkan generasi yang lebih prihatin, bertanggungjawab dan berpengetahuan mengenai kelestarian alam sekitar?

**JAWAPAN:**

Untuk makluman, usaha mengintegrasikan pendidikan alam sekitar dan perubahan iklim sememangnya sudah dan sedang dilaksanakan secara berperingkat melalui Pelan Pendidikan Hijau Kementerian Pendidikan 2025–2035 atau *Greening Education Plan*. Pelan ini menjadi panduan strategik bagi menerapkan pendidikan kelestarian dan amalan hijau dalam keseluruhan ekosistem pendidikan, daripada peringkat sekolah hingga pengajian tinggi, selaras dengan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan.

Di peringkat sekolah, elemen alam sekitar dan perubahan iklim telah diterapkan secara berperingkat melalui mata pelajaran *Science*, *Social Studies* dan *Geography*. Pada peringkat rendah, pelajar diperkenalkan kepada kebersihan persekitaran, kitar semula dan kesan aktiviti manusia terhadap alam sekitar. Di peringkat menengah, pembelajaran diperluas kepada penjimatan air, sumber tenaga alternatif, pengurusan alam sekitar, pencemaran, pemanasan global serta langkah mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim.

Pembelajaran dalam bilik darjah turut diperkukuh melalui aktiviti kokurikulum dan pembelajaran berasaskan projek yang dikendalikan oleh Pusat STEP dengan kerjasama agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Antaranya termasuk *Green-Schools Initiatives*, *STEAM Outreach*, *Students in STEAM*, *Recognize, Research, Establish, Apply, Learning (R.E.A.L)* dan *Green School Gardening*. Program-program ini memberikan peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan melalui penyelidikan, inovasi, perkebunan moden dan penyelesaian masalah sebenar berkaitan kelestarian.

Dalam pada itu, Jabatan Peperiksaan turut memperkenalkan penawaran mata pelajaran IGCSE Environmental Management, IGCSE Marine Science dan IGCSE Geography di bawah kurikulum Cambridge International, yang kini diambil oleh sebilangan sekolah di negara ini.

Mata pelajaran-mata pelajaran ini memberi pendedahan langsung kepada pelajar mengenai isu-isu alam sekitar semasa, termasuk pengurusan sumber asli, kepelbagaian biologi, ekosistem marin, pencemaran, pengurusan bencana alam, corak dan proses fizikal bumi, serta kesan dan adaptasi terhadap perubahan iklim. Ini selaras dengan konteks Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber hutan hujan tropika dan kawasan pesisir pantai.

Penawaran mata pelajaran ini merupakan salah satu langkah konkrit Kementerian dalam melahirkan generasi pelajar yang lebih prihatin, bertanggungjawab dan berpengetahuan mengenai kelestarian alam sekitar.

Di peringkat pengajian tinggi dan pendidikan teknikal, penerapan kelestarian juga sedang diperkukuh. Universiti Brunei Darussalam telah memperkenalkan modul wajib *Introduction to Sustainability* kepada semua pelajar tahun pertama dan menerapkan atribut graduan *Sustainable Thinkers*. Pelajar turut menjalankan penyelidikan dan membangunkan penyelesaian praktikal melalui inisiatif *Sustainability Living Lab*.

Mulai Tahun Akademik 2026/2027, Politeknik Brunei pula memperkenalkan modul teras *Green and Digital Literacy for Sustainability* kepada semua pelajar bagi memastikan setiap graduan mempunyai literasi asas mengenai kelestarian dan perubahan iklim. Di samping itu, pelajar Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei telah mengikuti latihan industri dalam bidang tenaga solar melalui inisiatif *Skills and Capacity for Alternative Low Carbon Energy* atau SCALE, dengan kerjasama Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri.

Selaras dengan Pelan Pendidikan Hijau, institusi pendidikan juga digalakkan menjadi ruang pembelajaran praktikal atau *living laboratory* melalui pengurusan tenaga, air dan sisa secara mampan. Sebagai langkah awal, inisiatif perintis pengurusan tenaga di sekolah-sekolah mula dilaksanakan pada tahun 2026 dengan melibatkan audit tenaga serta latihan kepada guru dan pelajar.

---

Dalam pelaksanaan seterusnya, Kementerian Pendidikan akan terus memperkukuh pemetaan elemen kelestarian dalam kurikulum dan hasil pembelajaran, meningkatkan pembangunan profesional guru dan tenaga pengajar, serta memperluas pembelajaran berasaskan projek, komuniti dan industri.

Matlamat Kementerian bukan sekadar untuk menambah pengetahuan mengenai alam sekitar, tetapi untuk membentuk nilai, amalan dan kemahiran hijau. Dengan pendekatan menyeluruh ini, para pelajar dihasratkan bukan sahaja memahami isu perubahan iklim, tetapi turut mampu mengambil tindakan secara bertanggungjawab dan menjadi peneraju kelestarian negara.

---

**No. Soalan: PL283****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK****TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah hasil penyelidikan dan inovasi yang dibangunkan oleh institusi tempatan berjaya diterjemahkan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi, dan apakah cabaran utama yang masih membatasi proses pengkomersialannya?

**JAWAPAN:**

Secara keseluruhannya, beberapa hasil penyelidikan dan inovasi institusi tempatan telah berjaya diterjemahkan melalui pelesenan teknologi, pembangunan produk, pemindahan teknologi dan aktiviti keusahawanan. Walau bagaimanapun, hasil yang telah terbukti menjana aktiviti ekonomi bernilai tinggi secara berskala besar masih terhad dan perlu terus diperkukuh.

Antara kemajuan yang dicapai ialah UBD telah memfailkan dan memperoleh perlindungan bagi lebih daripada 70 paten di dalam dan luar negara, khususnya dalam bidang biosensor, bahan termaju, tenaga bersih dan penjagaan kesihatan. Salah satu contoh pengkomersialan ialah pelesenan teknologi UBD kepada Smart Coating Technologies (B) Sdn. Bhd. bagi penghasilan, pemasaran dan eksport salutan antibakteria dan antikulat. Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) juga menyokong pembangunan syarikat pemula dan kerjasama penyelidikan dengan industri bagi membuka peluang pengujian serta penerimgunaan teknologi.

Walaupun bagaimanapun, paten, prototaip dan kerjasama penyelidikan belum dengan sendirinya membuktikan kejayaan komersial. Cabaran utama pengkomersialan yang telah dikenal pasti merangkumi jurang antara prototaip dengan produk sedia pasaran, kekurangan pembiayaan untuk pengujian dan pensijilan, kelewatan penglibatan pihak industri sejak peringkat awal, akses pasaran yang terhad, serta isu tadbir urus harta intelek. Saiz pasaran domestik yang terhad juga memerlukan inovasi tempatan dibangunkan dengan mengambil kira potensi pasaran serantau dan antarabangsa.

Pengkomersialan inovasi memerlukan pendekatan seluruh negara (Whole of Nation Approach) serta kerjasama erat antara IPTA, agensi kerajaan, industri, pelabur dan institusi kewangan. Kementerian Pendidikan dan IPTA akan terus memberi tumpuan kepada penyelidikan yang relevan, pembangunan bakat, perlindungan harta intelek dan peningkatan kesiapan teknologi, manakala kerjasama strategik akan diperkukuh bagi menyokong pembiayaan, pengujian, pensijilan, penskalaan dan akses pasaran.

---

No. Soalan: PL178

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH  
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM

TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah hala tuju Kementerian untuk memperkukuh perundangan, akauntabiliti dan mekanisme tindakan bagi melindungi pengguna, identiti individu serta hak pemilik karya daripada penyalahgunaan teknologi dan peningkatan penyalahgunaan AI seperti iklan palsu, *deepfake*, penyamaran identiti serta penggunaan karya tanpa kebenaran? Mengambil kira terdapat Edisi Kedua *Guide on AI Governance and Ethics* yang mengambil kira risiko *AI Generative*.

**JAWAPAN:**

Sebagai asasnya, perlu kita fahami bahawa AI bukanlah satu teknologi yang terasing, tetapi merupakan sebahagian daripada perkembangan teknologi pengkomputeran dan digital yang mempunyai keupayaan lebih maju untuk memproses, menganalisis dan menghasilkan maklumat.

Oleh itu, pendekatan Kementerian bukanlah semata-mata untuk melihat sama ada sesuatu perbuatan itu menggunakan AI atau tidak. Sebaliknya, kita melihat kepada perbuatan yang dilakukan, risiko yang timbul dan kemudaratan yang dialami oleh orang ramai. Dengan pendekatan ini, banyak bentuk penyalahgunaan AI sebenarnya sudah boleh ditangani melalui undang-undang yang sedia ada, bergantung kepada jenis kesalahan dan bidang kuasa agensi yang berkenaan.

Pertama, dari segi data peribadi dan privasi. Sekiranya AI digunakan untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau memproses data peribadi tanpa kebenaran atau secara tidak wajar, perkara tersebut boleh ditangani di bawah Perintah Perlindungan Data Peribadi. Ini termasuk data yang digunakan untuk melatih atau mengendalikan sesuatu sistem AI.

Kedua, dari segi keselamatan siber dan penyalahgunaan komputer. Akta Keselamatan Siber (Penggali 272) menyediakan kerangka bagi mencegah, mengurus dan bertindak balas terhadap ancaman keselamatan siber, khususnya yang melibatkan Infrastruktur Maklumat Kritikal. Manakala Akta Penyalahgunaan Komputer (Penggali 194) menangani kesalahan yang menyasarkan komputer atau menggunakan komputer sebagai alat untuk melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang, termasuk penggodaman dan penggunaan perisian hasad.

Ketiga, dari segi penipuan dan penyamaran identiti. Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) mempunyai peruntukan yang relevan bagi kesalahan seperti penipuan dan kecurian identiti. Sekiranya AI digunakan sebagai alat untuk melakukan kesalahan tersebut, tindakan undang-undang masih boleh diambil berdasarkan peruntukan yang berkenaan.

Ini bermakna, contohnya, penggunaan deepfake untuk menyamar sebagai seseorang bagi mendapatkan wang atau memperdayakan orang lain tidak semestinya memerlukan satu kesalahan baharu yang khusus kepada AI. Jika perbuatan tersebut memenuhi unsur kesalahan yang sedia ada, tindakan boleh diambil di bawah undang-undang berkenaan.

Begitu juga dengan iklan palsu. Jika teknologi digunakan untuk menghasilkan kandungan yang bertujuan memperdayakan atau menipu orang ramai, tindakan boleh diambil.

Keempat, dari segi harta intelek. Bagi kesalahan yang melibatkan karya dan harta intelek, BrulPO merupakan agensi peneraju. Undang-undang seperti Perintah Hak Cipta 1999 dan *Trade Marks Act (Chapter 98)* boleh dipakai apabila karya yang dilindungi digunakan atau diterbitkan semula tanpa kebenaran, atau apabila tanda dagangan disalahgunakan, termasuk melalui penggunaan teknologi AI.

Jadi, penguatkuasaan tidak terletak pada satu agensi sahaja yang akan mengambil tindakan yang bersesuaian. Ia bergantung kepada jenis kesalahan dan agensi yang mempunyai bidang kuasa di bawah undang-undang masing-masing.

Selain daripada tindakan selepas berlakunya kesalahan, Kementerian juga memberi penekanan kepada pencegahan dan tadbir urus AI. Dalam hal ini, AITI bersama *Working Group on AI Governance and Ethics* telah menerbitkan beberapa panduan berkaitan AI. Antaranya ialah Edisi Kedua *Guide on AI Governance and Ethics* yang telah diterbitkan pada April 2026.

Edisi kedua ini mengambil kira perkembangan serta risiko yang dibawa oleh *Generative AI* dan menyediakan panduan kepada organisasi yang membentuk, membangunkan, menggunakan dan memanfaatkan AI supaya teknologi tersebut digunakan secara selamat, beretika dan bertanggungjawab.

Panduan ini penting kerana kita tidak mahu pendekatan kita hanya tertumpu kepada apa yang berlaku selepas seseorang menjadi mangsa. Kita juga mahu memastikan organisasi yang menggunakan AI mempunyai tanggungjawab untuk mengenal pasti risiko, melaksanakan kawalan yang bersesuaian dan melindungi pengguna sejak dari peringkat awal.

Seterusnya dari aspek keselamatan pula, Cyber Security Brunei (CSB) sedang memperkukuh kawalan melalui dua inisiatif utama iaitu:

Pertama, *Code of Practice for Critical Information Infrastructure* telah dikemaskinikan dengan memasukkan aspek AI Security Policy, bagi menetapkan kawalan keselamatan yang perlu dilaksanakan oleh organisasi yang membangunkan dan menggunakan AI.

Kedua, *AI Security Policy Guideline* kini dalam proses penerbitan. Panduan ini akan memberikan panduan yang lebih terperinci mengenai kawalan keselamatan bagi teknologi *Generative AI*, *Agentic AI* dan *Autonomous AI*, termasuk penilaian risiko, pengurusan ancaman dan mekanisme tindak balas terhadap insiden.

Ini adalah penting kerana risiko AI bukan sahaja berkaitan dengan kandungan palsu atau penipuan. Ia juga meliputi keselamatan sistem, data, akses kepada sistem dan kemungkinan penyalahgunaan teknologi itu sendiri.

Dari segi hala tuju ke hadapan, Kementerian tidak akan mengambil pendekatan menunggu sehingga berlaku penyalahgunaan baharu sebelum bertindak. Kita akan terus menilai sama ada peruntukan undang-undang sedia ada masih mencukupi untuk menangani bentuk penyalahgunaan teknologi yang semakin kompleks.

Perkara ini juga selaras dengan *Digital Brunei 2030* melalui *Data and AI Strategy*, yang memberi penekanan kepada aspek perundangan dan tadbir urus AI bagi memastikan pembangunan dan penggunaan AI dilaksanakan secara selamat, beretika, bertanggungjawab dan selaras dengan kepentingan negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkepentingan, termasuk pihak penguatkuasa, pengawalselia sektor dan agensi berkaitan, bagi memastikan terdapat:

- kejelasan mengenai tanggungjawab pihak yang membangunkan dan menggunakan AI;
- mekanisme yang berkesan untuk mengesan dan melaporkan penyalahgunaan;
- tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian apabila berlaku kesalahan; dan
- perlindungan yang mencukupi kepada orang ramai, khususnya apabila melibatkan data peribadi, identiti, kewangan dan hak harta intelek.

Sekiranya terdapat jurang dalam perundangan sedia ada, Kementerian akan terus membuat penelitian bersama agensi-agensi berkepentingan supaya perundangan dan mekanisme penguatkuasaan dapat diperkukuhkan selaras dengan perkembangan teknologi dan amalan antarabangsa.

Hala tuju Kementerian ialah memastikan bahawa kemajuan AI tidak bergerak lebih pantas daripada perlindungan yang diberikan kepada masyarakat. Kita mahu menggalakkan inovasi dan memanfaatkan AI untuk pembangunan negara. Namun pada masa yang sama, kita mesti memastikan bahawa pengguna tidak terdedah kepada penipuan, identiti individu tidak disalahgunakan, data peribadi dilindungi dan hak pemilik karya dihormati.

Pendekatan kita adalah jelas: AI adalah alat, tetapi tanggungjawab tetap pada manusia dan organisasi yang membangunkan, menyediakan dan menggunakannya.

Oleh itu, Kementerian akan terus memperkukuh tiga perkara secara serentak iaitu perundangan, tadbir urus dan penguatkuasaan supaya teknologi AI dapat berkembang dalam persekitaran yang selamat, bertanggungjawab dan dipercayai, demi melindungi kepentingan rakyat dan negara.



---

**No. Soalan: PL293****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN****TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan langkah dan perancangan Kementerian bagi meluaskan liputan serta meningkatkan kelajuan internet, khususnya di kawasan pedalaman, agar masyarakat dapat menikmati akses yang lebih stabil, pantas dan menyeluruh? Ini memandangkan akses internet yang berkualiti merupakan keperluan asas dalam menyokong pendidikan, ekonomi dan penyampaian perkhidmatan digital.

**JAWAPAN:**

Dasar Kementerian adalah jelas, iaitu memastikan akses internet yang berkualiti, stabil dan berkelajuan tinggi dapat dinikmati secara menyeluruh, tanpa mengira sama ada masyarakat berada di kawasan bandar ataupun luar bandar. Dalam hal ini, Perkhidmatan Internet Yang Berkualiti Tinggi merupakan antara Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan (*National Key Performance Indicators* - NKPI) yang dipantau dari segi liputan dan kualiti pengalaman pengguna.

Pada masa ini, liputan Jalur Lebar Tetap (*Fixed Broadband/FTTH*) telah mencapai 96% penduduk, manakala liputan rangkaian mudah alih mencapai 99% penduduk, termasuk 97.65% liputan 5G.

Dari segi kelajuan pula, setakat Jun 2026, sebanyak 99.97% pengguna kediaman mempunyai akses kepada perkhidmatan jalur lebar tetap berkelajuan 100 Mbps ke atas, tertakluk kepada langganan masing-masing. AITI juga menjalankan pemantauan prestasi rangkaian secara berkala di seluruh negara bagi memastikan kelajuan yang diterima pengguna adalah selaras dengan pakej langganan mereka. Dalam ujian yang dijalankan ke atas 30 pengguna kediaman, kesemuanya mencapai kelajuan muat turun mengikut kelajuan langganan masing-masing.

Namun demikian, Kementerian tidak hanya melihat kepada angka purata di peringkat nasional. Keutamaan kita adalah memastikan jurang digital antara kawasan bandar dan pedalaman terus dirapatkan.

Dalam hubungan ini, Kementerian melalui AITI, dengan kerjasama Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN), akan terus memperluaskan dan mengoptimumkan infrastruktur telekomunikasi, termasuk melalui pembinaan menara-menara baharu. Sejak tahun 2021, sebanyak 38 menara telah siap dibina dan beroperasi, manakala tiga lagi sedang dalam pelaksanaan di Kampung Kuala Unggar, Hutan Simpan Bukit Ladan dan Kampung Lamaling.

Usaha ini juga telah meningkatkan liputan di beberapa kawasan pedalaman, antaranya Kampung Melilas, Kampung Sukang, Kampung Sumbiling Baru dan Lama, serta Kampung Long Mayan. Bagi jalur lebar tetap pula, garis asas kelajuan langganan telah dinaikkan kepada sekurang-kurangnya 100 Mbps sejak tahun 2023.

Dari segi pemantauan, AITI juga melaksanakan ujian rangkaian secara berkala, termasuk ujian data untuk menilai kelajuan purata internet mudah alih dan ujian liputan bagi memastikan ketersediaan rangkaian 4G dan 5G di seluruh negara.

Secara keseluruhannya, hala tuju Kementerian adalah untuk memastikan pembangunan infrastruktur digital tidak hanya tertumpu kepada peningkatan kelajuan, tetapi turut memberi penekanan kepada liputan, menara telah siap dibina dan beroperasi, manakala tiga lagi sedang dalam pelaksanaan di Kampung Kuala Unggar, Hutan Simpan Bukit Ladan dan Kampung Lamaling.

Usaha ini juga telah meningkatkan liputan di beberapa kawasan pedalaman, antaranya Kampung Melilas, Kampung Sukang, Kampung Sumbiling Baru dan Lama, serta Kampung Long Mayan. Bagi jalur lebar tetap pula, garis asas kelajuan langganan telah dinaikkan kepada sekurang-kurangnya 100 Mbps sejak tahun 2023.

Dari segi pemantauan, AITI juga melaksanakan ujian rangkaian secara berkala, termasuk ujian data untuk menilai kelajuan purata internet mudah alih dan ujian liputan bagi memastikan ketersediaan rangkaian 4G dan 5G di seluruh negara.

Secara keseluruhannya, hala tuju Kementerian adalah untuk memastikan pembangunan infrastruktur digital tidak hanya tertumpu kepada peningkatan kelajuan, tetapi turut memberi penekanan kepada liputan, kestabilan dan kesamarataan akses. Ini penting supaya internet benar-benar menjadi infrastruktur asas yang menyokong pendidikan, aktiviti ekonomi dan penyampaian perkhidmatan digital, termasuk bagi masyarakat di kawasan pedalaman.

---

No. Soalan: PL169

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI  
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat manakah intervensi berasaskan bukti (*evidence-based intervention*) telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi isu yang berkaitan dengan sasaran kadar penamatan kursus IBTE yang hanya 90% dan berpotensi kehilangan 10% modal insan yang tidak menamatkan kursus.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman, sasaran kadar penamatan kursus IBTE sekurang-kurangnya 90% merupakan sasaran yang munasabah dan selaras dengan amalan lazim institusi pendidikan teknikal dan vokasional di peringkat serantau serta antarabangsa. Sasaran ini ialah kadar minimum yang perlu dicapai dan bukannya had maksimum. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan, kadar penamatan kursus IBTE berada antara 87% hingga 91%, manakala kadar yang dicatatkan pada tahun 2025 ialah 89%.

Kementerian Pendidikan melalui IBTE telah menganalisis data pelajar bagi mengenal pasti faktor yang menjejaskan penamatan pengajian. Pada tahun 2025, pelajar yang belum menamatkan pengajian terdiri daripada mereka yang berhenti pengajian sebanyak 4%, mengulang modul 4%, diberhentikan 2%, menangguhkan pengajian 1% dan meninggal dunia 0.01%.

Analisis lanjut menunjukkan bahawa dalam kalangan pelajar yang berhenti pengajian, 53% telah menerima tawaran pekerjaan sebelum tamat pengajian, 24% melanjutkan pengajian di institusi lain, 17% disebabkan faktor peribadi atau keluarga dan 6% kerana masalah kesihatan. Oleh itu, pelajar yang tidak menamatkan kursus tidak semestinya dianggap sebagai kehilangan modal insan, khususnya mereka yang telah memasuki alam pekerjaan atau meneruskan pendidikan melalui laluan lain.

Walau bagaimanapun, Kementerian tetap mengambil serius isu pelajar yang tidak menamatkan pengajian, khususnya disebabkan faktor akademik, kehadiran, kesihatan dan kesejahteraan. Berdasarkan dapatan tersebut, beberapa intervensi bersasar telah dilaksanakan, antaranya:

- memantau kehadiran, pencapaian akademik dan tingkah laku pembelajaran bagi mengenal pasti pelajar berisiko pada peringkat awal;
- menyediakan bimbingan akademik, kaunseling, bantuan kebajikan dan bimbingan kerjaya serta melibatkan ibu bapa atau penjaga apabila diperlukan;

- menyediakan program pemulihan dan sokongan bagi pelajar yang perlu mengulang modul;
- memperkukuh pengajaran berpusatkan pelajar, latihan berasaskan kompetensi dan pembelajaran digital; dan
- memperluas pendedahan industri melalui program perantisan, penempatan industri, ceramah kerjaya serta penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum.

Keberkesanan awal intervensi ini dapat dilihat melalui peningkatan kadar penamatan dalam kalangan pelajar yang mengulang modul, daripada 77.8% pada tahun 2024 kepada 79.9% pada tahun 2025. Peningkatan ini memberikan petunjuk awal bahawa sokongan akademik yang dilaksanakan telah membantu lebih ramai pelajar meneruskan dan menamatkan pengajian.

Pada tahun 2026, IBTE akan memperkukuh pendekatan ini melalui pembangunan *dashboard* bagi memantau status pelajar secara masa nyata dan melaksanakan analisis kadar penamatan kursus secara lebih terperinci. Dapatan analisis tersebut akan digunakan untuk menilai keberkesanan intervensi sedia ada dan merangka tindakan yang lebih bersasar.

Kementerian Pendidikan akan terus memantau kadar penamatan kursus dan menilai semula kesesuaian sasaran serta keperluannya dari semasa ke semasa dengan mengambil kira prestasi IBTE dan penanda aras serantau serta antarabangsa. Usaha ini bukan sahaja bertujuan mencapai sasaran minimum 90%, tetapi juga meningkatkan kadar penamatan secara berterusan dan memastikan pelajar yang berisiko menerima intervensi yang bersesuaian pada peringkat awal.

---

No. Soalan: PL310

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD.  
SALLEH BIN HAJI OTHMAN

TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi dan pelan tindakan kerajaan untuk mencegah keganasan di kalangan pelajar melalui pendekatan menyeluruh yang melibatkan intervensi awal, pendidikan sahsiah, kesihatan mental, keselamatan sekolah serta kerjasama ibu bapa dan agensi berkaitan?

**JAWAPAN:**

Kementerian Pendidikan memandang serius apa jua isu ketidakpatuhan disiplin yang berlaku di sekolah sekalipun tidaklah sampai pada tahap keganasan. Pelbagai pendekatan secara *Whole-School Approach* telah dilaksanakan, iaitu:

Pertama, melalui pemantauan dan pengurusan disiplin. Jabatan Sekolah-Sekolah melalui Unit Kesejahteraan Pelajar melaksanakan pengumpulan data kes disiplin bagi mengenal pasti trend serta merancang program intervensi yang lebih berfokus. Kementerian juga mempunyai Buku Peraturan dan Panduan Disiplin Institusi Pendidikan Kerajaan sebagai panduan sekolah. Di samping itu, beberapa tindakan pemulihan juga dilaksanakan, seperti *internal suspension* dengan sesi kaunseling, program pembangunan sahsiah, khidmat masyarakat, serta program pembinaan tarbiyah.

Kedua, melalui Program Sahsiah Pelajar (PSP) yang berteraskan komponen Fizikal, Kerohanian, Kreativiti dan Perkhidmatan, pelajar dipupuk dengan nilai disiplin, kepimpinan, kawalan emosi dan saling menghormati. Program ini diperkukuh melalui aktiviti pembinaan karakter, pembangunan daya tahan (*resilience*) serta Kumpulan Bertindak A.T.E.A.M. yang meningkatkan kesedaran mengenai isu sosial.

Ketiga, melalui Program Pembimbing Rakan Remaja (PRR) dan Program BEST (Bantu, Empati, Sokongan, Tanggungjawab) yang dilaksanakan oleh Bahagian Kaunseling. Program-program ini adalah bagi memelihara kesejahteraan dan kesihatan mental dengan memberikan sokongan psikososial, membina empati, dan mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan inklusif.

---

Keempat, melalui Program G.I.N.I.S., *Five Minutes Talk* serta Program Kesedaran Anti-Buli dan Keselamatan Jalan Raya, termasuk Pertandingan Drama Anti-Buli Sekolah-Sekolah Rendah Senegara dan Pertandingan Sketsa Keselamatan Jalan Raya Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah Senegara bagi meningkatkan kesedaran mengenai disiplin, keselamatan dan pencegahan keganasan.

Pelaksanaan program-program ini juga diperkukuh melalui kerjasama erat antara sekolah, ibu bapa, masyarakat serta agensi seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pusat Dakwah Islamiah dan agensi berkaitan yang lain.

---

No. Soalan: PL263, PL210 & PL262

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM**

**YANG BERTHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

**TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan pelaksanaan proses *digitalisation* perniagaan (seperti yang dilaksanakan oleh MPABD) dan jika terdapat penurunan kos logistik dan peningkatan dari pengendali perkapalan antarabangsa terhadap penggunaan pelabuhan negara sebagai pintu masuk maritim yang moden dan berdayasaing di rantau Borneo ini? Adakah *spin-off* dari inisiatif ini telah diraih oleh para peniaga tempatan?

**YANG BERTHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah MPABD memastikan integrasi menyeluruh *Maritime Single Window* dan *Port Community System* merentas agensi sempadan utama supaya penambahbaikan masa dan kos dagangan dirasai pengguna, dan sejauh manakah national dashboard bagi menilai prestasi rantai maritim dicadangkan?

**YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan langkah untuk menangani isu kos perkapalan yang masih tinggi bagi membantu menurunkan kos perniagaan dan barangan import, yang memberi kesan kepada kos sara hidup? Walaupun inisiatif telah dilaksanakan, seperti penubuhan perkhidmatan perkapalan baru dan pengemasan operasi *transshipment*, namun masih terdapat aduan bahawa kos pengangkutan masih lagi tinggi dan menjejaskan *competitiveness*.

**JAWAPAN:**

Hala tuju Kerajaan adalah jelas iaitu bukan sekadar mahu mendigitalkan proses yang sedia ada, tetapi mahu mengintegrasikannya supaya urusan perdagangan menjadi lebih mudah, pantas dan mempunyai kepastian yang lebih tinggi.

MPABD sedang bergerak ke arah pelaksanaan *Port Community System* (PCS) secara berperingkat mulai tahun ini. PCS akan menghubungkan pihak-pihak berkepentingan dalam ekosistem pelabuhan, termasuk agensi Kerajaan, pengendali pelabuhan, syarikat perkapalan, ejen perkapalan dan penyedia perkhidmatan logistik, melalui perkongsian maklumat yang lebih bersepadu.

Dalam kerangka ini, *Maritime Single Window* (MSW) akan berperanan sebagai satu pintu digital bagi urusan kawal selia maritim, manakala PCS menghubungkan maklumat dan proses antara pihak-pihak yang terlibat dalam rantai logistik.

Pendekatan ini akan membantu mengurangkan pengisian data berulang, proses manual, pertindihan dokumen dan keperluan berurusan dengan pelbagai sistem secara berasingan.

Ukuran kejayaan bukanlah diterjemahkan dengan berapa banyak sistem digital yang diwujudkan, tetapi berapa banyak masa, proses dan kos yang dapat dikurangkan bagi pengguna.

Seiring dengan pembangunan PCS, MPABD juga sedang membangunkan *National Maritime Data Hub Dashboard*. Dashboard ini akan membolehkan prestasi ekosistem maritim dipantau secara lebih menyeluruh dan berasaskan data, termasuk masa pelepasan kapal, masa pemprosesan kargo, pergerakan dan jumlah kargo serta prestasi operasi pelabuhan dan rantai logistik.

Yang lebih penting, data tersebut akan membantu Kerajaan mengenal pasti di mana berlaku kelewatan, kesesakan atau ketidakcekapan, dan seterusnya menentukan intervensi yang bersesuaian. Dengan itu, kita bukan sahaja akan melihat berapa banyak kapal yang masuk, tetapi juga berapa cepat, berapa kos dan berapa cekap barangan dapat dipindahkan melalui Negara Brunei Darussalam.

Pendigitalan tidak bermakna nanti kadar tambang perkapalan akan turun secara automatik. Namun, ia berupaya untuk mengurangkan kos dan masa yang berpunca daripada ketidakcekapan proses, termasuk masa menunggu, pertindihan dokumen, proses manual dan kelewatan pertukaran maklumat.

Dalam perdagangan antarabangsa, masa juga merupakan kos. Lebih pantas sesuatu kargo diproses dan dikeluarkan, lebih rendah kos berkaitan penyimpanan, kelewatan dan pengendalian.

Pada masa yang sama, pendigitalan meningkatkan *predictability*, iaitu memberikan lebih kepastian kepada pengimport, pengeksport, syarikat perkapalan dan penyedia logistik mengenai proses dan tempoh yang diperlukan.



Pendekatan ini juga selaras dengan keperluan *International Maritime Organization (IMO) Facilitation Convention* yang menggalakkan penggunaan sistem elektronik bagi pertukaran maklumat kapal, kargo dan penumpang.

Mengenai isu kos perkapalan, perlu difahami bahawa kos yang ditanggung oleh pengimport dan peniaga bukan datang daripada satu sumber sahaja. Ia melibatkan pelbagai komponen seperti caj pihak berkuasa, perkhidmatan marin dan pelabuhan, pengendalian terminal, penyimpanan, ejen perkapalan serta tambang laut.

Sebahagian kos ini berada di bawah pihak yang berbeza, manakala sebahagian yang lain dipengaruhi oleh faktor pasaran dan keputusan komersial syarikat perkapalan. Oleh itu, penyelesaiannya juga tidak boleh bergantung kepada satu langkah sahaja. Dasar Kementerian dalam menangani perkara ini melalui tiga pendekatan yang saling melengkapi iaitu:

1. Meningkatkan kecekapan pelabuhan;
2. Meningkatkan pilihan dan daya saing perkhidmatan perkapalan; dan
3. Meningkatkan jumlah serta nilai aktiviti maritim yang dijalankan di Negara Brunei Darussalam.

Dari segi kecekapan, pelaksanaan MSW dan PCS merupakan antara langkah utama untuk mengurangkan friction dalam rantai logistik.

Dari segi kesalinghubungan, kemasukan perkhidmatan perkapalan baharu seperti *Shandong International Transportation Corporation (SITC)* dan *Warisan Shipping Line (WSL)* telah memperluaskan pilihan laluan dari Pelabuhan Muara ke beberapa pasaran serantau, termasuk China, Vietnam, Malaysia, Thailand dan Singapura. Lebih banyak pilihan dan jumlah kargo adalah penting untuk meningkatkan skala ekonomi dan daya saing pelabuhan.

Dalam membina ekosistem maritim dan *spin-off* tempatan, Kementerian juga melihat perkara ini dari perspektif yang lebih luas. Kita tidak mahu Pelabuhan Muara hanya menjadi tempat kapal datang dan pergi. Kita mahu lebih banyak aktiviti ekonomi maritim berlaku di Negara Brunei Darussalam.

Antara perkara yang sedang diteliti termasuk mekanisme insentif, stesen kontena kosong, aktiviti pembuatan, penyelenggaraan dan pembaikan kontena serta peluang kerjasama strategik untuk menarik dan mengekalkan pengendali perkapalan.

Cadangan pembangunan *Free Trade Zone* dan *Port Trade Zone* melalui pendekatan *Port-Industry-Park* juga akan menyokong aktiviti penyatuan kargo, penyimpanan, pembungkusan semula dan eksport semula.

Di samping itu, pembangunan kawasan *Ship-to-Ship and Lay-Up Designated Area* serta projek *Marine Maintenance Yard* dan *Decommissioning Yard* di Pulau Muara Besar mempunyai potensi mewujudkan aktiviti hiliran dan peluang ekonomi kepada PMKS tempatan.

Kementerian ini melihat matlamat bukan hanya untuk meningkatkan jumlah kapal atau kargo, tetapi berapa banyak nilai ekonomi yang dapat dikekalkan di dalam Negara.

Apabila aktiviti maritim meningkat, peluang juga perlu dibuka kepada syarikat dan PMKS tempatan dalam bidang bekalan kapal, logistik, pengangkutan darat, fabrikasi, penyelenggaraan, pengurusan sisa dan perkhidmatan sokongan lain.

Dalam hal ini, MPABD akan terus berperanan sebagai pemudah cara, manakala penyertaan sektor swasta dan keupayaan syarikat tempatan penting untuk merealisasikan peluang tersebut.

Dapat dirumuskan bahawa daya saing maritim tidak boleh dibina melalui pengurangan satu caj atau pembangunan satu sistem semata-mata. Ia memerlukan ekosistem yang lebih cekap, berhubung, telus dan berdaya saing, daripada proses kawal selia, pengurusan pelabuhan dan perkhidmatan perkapalan, hinggalah kepada logistik dan aktiviti hiliran. Justeru, MSW, PCS dan National Maritime Data Hub Dashboard merupakan sebahagian daripada usaha yang lebih besar untuk membina ekosistem tersebut.

Kementerian memahami bahawa kos logistik akhirnya memberi kesan kepada kos perniagaan dan harga barangan kepada pengguna. Oleh itu, isu ini akan terus diberikan perhatian dan ditangani secara rentas agensi bersama pihak-pihak berkepentingan dalam industri.

---

No. Soalan: PL165

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI  
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah Kementerian menilai, selain mengukur kadar penggunaan perkhidmatan digital, pengalaman pengguna melalui audit digital atau *service satisfaction indicators*, serta memastikan setiap gangguan sistem mempunyai prosedur tindak balas jelas, *backup systems* dan komunikasi segera bagi mengukuhkan kepercayaan orang ramai?

**JAWAPAN:**

Bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, pendigitalan perkhidmatan Kerajaan bukan semata mata mengenai menyediakan lebih banyak perkhidmatan secara dalam talian tetapi, yang paling mustahak ialah bagi memastikan perkhidmatan tersebut benar-benar mudah digunakan, boleh dipercayai, selamat dan memberikan pengalaman yang baik kepada rakyat.

Oleh itu, penilaian terhadap keberkesanan sesuatu perkhidmatan digital tidak hanya bergantung kepada jumlah atau kadar penggunaannya, tetapi turut mengambil kira kualiti perkhidmatan, pengalaman dan kepuasan pengguna, kebolehpercayaan sistem serta keupayaan untuk mengekalkan perkhidmatan sekiranya berlaku gangguan. Dalam hal ini, terdapat tiga lapisan utama yang diberikan perhatian.

Pertama, dari segi tadbir urus dan penilaian projek. Pelaksanaan projek-projek transformasi digital Kerajaan diselaraskan melalui Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) di bawah tadbir urus CIO Forum.

Projek-projek transformasi digital yang baharu akan melalui *Digital Transformation Review Committee* (DTRC), selepas mendapat pengesahan CIO Kementerian masing-masing. Penilaian ini bukan hanya dibuat pada peringkat awal, tetapi dilihat sebagai satu proses yang berterusan sebelum pelaksanaan, semasa pembangunan dan pelaksanaan, serta selepas perkhidmatan mula digunakan.

Antara perkara yang diberikan perhatian termasuklah aspek keselamatan siber, kebolehpercayaan sistem, kualiti penyampaian perkhidmatan, pengalaman pengguna, serta keupayaan sistem untuk menghadapi gangguan dan dipulihkan semula.

Pada peringkat keseluruhan pula, CIO Forum berperanan memastikan keutamaan projek digital diselaraskan, termasuk mengelakkan pertindihan sistem dan memastikan pelaburan digital Kerajaan memberikan nilai yang sewajarnya.

Kedua, dari segi pengalaman dan kepuasan pengguna. Kementerian ini melihat suara pengguna sebagai sebahagian daripada ukuran prestasi perkhidmatan digital. Dalam hubungan ini, EGNC bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) melalui Sistem Pemedulian Perkhidmatan Awam (Pemedulian), iaitu platform tinjauan kepuasan pelanggan secara dalam talian. Melalui mekanisme ini, maklum balas pengguna dapat dikumpulkan secara berterusan untuk menilai tahap kepuasan dan mengenal pasti aspek-aspek perkhidmatan yang perlu diperbaiki.

Sebagai langkah masa hadapan, prinsip yang sama akan terus diperkukuhkan dengan mekanisme maklum balas yang dibina terus ke dalam perkhidmatan atau aplikasi digital Kerajaan, supaya pengguna bukan sahaja dapat menggunakan perkhidmatan tersebut, tetapi juga dapat memberikan maklum balas mengenai pengalaman mereka.

Ini penting kerana penggunaan yang tinggi tidak semestinya bermakna sesuatu perkhidmatan itu sudah baik. Kita juga perlu mengetahui sama ada perkhidmatan tersebut mudah digunakan, cepat, jelas dan benar-benar menyelesaikan keperluan pengguna.

Ketiga, dari segi kesinambungan dan tindak balas terhadap gangguan sistem. Dasar Kementerian adalah perkhidmatan digital Kerajaan yang kritikal perlu mempunyai prosedur tindak balas, mekanisme eskalasi, serta langkah kesinambungan perkhidmatan dan pemulihan sistem yang bersesuaian.

Ini termasuk penyediaan *backup* dan *recovery mechanisms*, supaya sekiranya berlaku kegagalan sistem, kehilangan data atau gangguan perkhidmatan, tindakan pemulihan dapat dilaksanakan dengan segera dan kesan kepada orang ramai dapat diminimumkan.

Pada masa yang sama, prosedur tindak balas bukan hanya mengenai aspek teknikal. Komunikasi kepada pengguna juga merupakan sebahagian daripada pengurusan insiden. Sekiranya berlaku gangguan yang memberi kesan kepada sesuatu perkhidmatan awam, maklumat yang tepat dan pada masanya hendaklah disampaikan melalui saluran yang bersesuaian, termasuk memaklumkan status gangguan dan, jika berkenaan, alternatif sementara yang boleh digunakan oleh orang ramai.

---

Secara keseluruhannya, Kementerian mengambil pendekatan yang lebih menyeluruh dalam menilai keberkesanan perkhidmatan digital, bukan hanya berdasarkan tahap penggunaannya, tetapi juga sejauh mana perkhidmatan tersebut memenuhi keperluan dan jangkaan pengguna, berfungsi dengan baik, selamat serta mampu menangani sebarang gangguan.

Dalam hal ini, pandangan dan pengalaman pengguna akan dijadikan sebagai salah satu sumber penting dalam menilai keberkesanan sesuatu perkhidmatan, di samping dapatan audit, pemantauan prestasi dan penilaian terhadap sebarang isu atau insiden yang berlaku. Dapatan-dapatan ini kemudiannya akan digunakan untuk mengenal pasti ruang penambahbaikan dan memperkemas perkhidmatan secara berterusan.

---

**No. Soalan: PL264****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN****TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah kementerian bagi mengatasi masalah capaian internet yang lemah di sekolah? Selain itu, apakah bantuan peranti dan sokongan kepada murid daripada keluarga kurang berkemampuan bagi memastikan semua pelajar mendapat akses pembelajaran digital secara adil tanpa tercicir?

**JAWAPAN:**

Izinkan saya membahagikan jawapan kepada dua bahagian.

Pertama, mengenai capaian internet di sekolah.

Bagi menangani isu capaian internet yang lemah di sekolah, Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan dua inisiatif utama yang saling melengkapi.

Inisiatif pertama ialah Projek *National Education Network* atau NEN yang bertujuan meningkatkan prestasi dan kestabilan sambungan internet ke sekolah. Semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan telah disambungkan kepada NEN dengan kapasiti jalur lebar minimum 100 Mbps. Ini menyediakan asas sambungan internet yang lebih stabil untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran digital.

Inisiatif kedua ialah Projek Menaik Taraf Infrastruktur Rangkaian Sekolah. Pada masa ini, liputan rangkaian dan Wi-Fi di sekolah-sekolah yang belum dinaik taraf masih tertumpu di kawasan tertentu seperti makmal komputer, perpustakaan dan bilik guru. Melalui projek ini, setiap sekolah yang dinaik taraf akan mendapat liputan rangkaian dan Wi-Fi di seluruh kawasan sekolah, termasuk bilik darjah serta ruang pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaannya dibuat secara berfasa mengikut kumpulan sekolah, dengan fasa pertama melibatkan sembilan buah sekolah menengah yang telah selesai pada Februari 2026, manakala fasa kedua yang melibatkan 25 buah sekolah menengah dan 90 buah sekolah rendah dijadualkan pada tahun 2027.

Sementara penaiktarafan dilaksanakan secara berfasa, Kementerian Pendidikan terus memantau prestasi rangkaian dan bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk menangani gangguan serta masalah teknikal berdasarkan keperluan dan tahap keutamaan sekolah.

Kedua, mengenai bantuan peranti kepada murid daripada keluarga kurang berkemampuan.

Melalui Program Bantuan Khas Peranti yang mula dilaksanakan pada tahun 2022, Kementerian Pendidikan menyediakan kemudahan pinjaman komputer riba kepada murid daripada keluarga kurang berkemampuan yang memerlukan peranti bagi mengikuti pembelajaran digital di sekolah dan di rumah.

Komputer riba berkenaan merupakan aset Kementerian Pendidikan. Kemudahan pinjaman ini terus diurus dan diselaraskan oleh pihak sekolah agar peranti berkenaan dapat dimanfaatkan oleh murid yang memerlukan.

Selain inisiatif tersebut, Program BIBD ALAF turut menyediakan bantuan peranti kepada pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan, khususnya dalam kalangan asnaf, bagi menyokong pembelajaran digital mereka.

Secara keseluruhannya, Kementerian Pendidikan akan terus menaik taraf infrastruktur rangkaian secara berfasa serta menyediakan bantuan peranti secara bersasaran bagi memastikan murid daripada keluarga kurang berkemampuan tidak tercicir daripada pembelajaran digital.

---

No. Soalan: PL272

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA  
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG  
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN

TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika semua sekolah telah diserapkan dengan guru-guru L&N (*literacy and numeracy*) yang telah menunjukkan hasil yang positif kepada murid murid yang dahulunya lemah? Jika tidak, adakah perancangan untuk menambah guru-guru L&N dengan melatih mereka dari kalangan graduan yang sedang menunggu kerja?

**JAWAPAN:**

Semua sekolah telah diserapkan guru-guru literasi dan numerasi.

Walau bagaimanapun, sebagai maklumat tambahan, kaola ingin mengongsikan, 99% tenaga Pengajar Bahasa Inggeris dan Matematik ini memperoleh gred 3 dan ke atas di dalam *Teachers Performance Appraisal* (TPA) pada hujung tahun 2025 lepas. Ini menunjukkan kualiti pengajaran yang baik.

*Literacy and Numeracy Coaching Program* (LNCP) telah bermula pada tahun 2017 dan melihat kepada keputusan Bahasa Inggeris dan Matematik BGCE O level dan IGCSE secara keseluruhannya mencatat trend peningkatan positif antara 2017 hingga 2025. Pencapaian Bahasa Inggeris meningkat daripada 56.87% kepada 60.96% (peningkatan 4.09 mata peratusan), manakala Matematik meningkat daripada 58.77% kepada 60.79% (peningkatan 2.02 mata peratusan). Kedua-dua mata pelajaran mencapai prestasi terbaik sekitar 2020 hingga 2021 sebelum mengalami penurunan yang berkemungkinan dipengaruhi oleh kesan pandemik COVID-19, termasuk gangguan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran serta cabaran dalam fasa pemulihan pasca pandemik. Walau bagaimanapun, pencapaian pada tahun 2025 masih lebih baik berbanding 2017, dan garisan trend yang terus menaik bagi kedua-dua mata pelajaran menunjukkan bahawa prestasi keseluruhan berada pada landasan yang positif serta berpotensi untuk terus meningkat.



---

No. Soalan: PL189

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah kementerian mempunyai keupayaan pengumpulan dan analisis data, pemantauan berasaskan risiko, perkongsian data digital, sistem amaran awal serta kerjasama dengan penyedia platform digital bagi menangani ancaman digital yang semakin meluas agar membolehkan tindakan pencegahan dan penguatkuasaan dilaksanakan secara lebih proaktif sebelum menjejaskan keselamatan sosial negara?

**JAWAPAN:**

Secara keseluruhannya, pendekatan Kementerian adalah melalui empat pendekatan utama:

Pertama, dari segi pengesanan dan pemantauan ancaman, *Cyber Security Brunei (CSB)* dan *Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT)* mempunyai keupayaan komprehensif melalui *Cyber Watch Centre (CWC)*, iaitu perkhidmatan teras CSB yang beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dengan menggunakan teknologi *advanced security intelligent monitoring*.

Keupayaan ini membolehkan pemantauan ancaman dilaksanakan secara berterusan dan berasaskan risiko, bagi mengenal pasti serta menilai potensi ancaman pada peringkat awal sebelum berkembang menjadi insiden yang lebih besar.

Kedua, dari segi perkongsian data digital dan sistem amaran awal, CSB melalui BruCERT berperanan sebagai pusat perkongsian maklumat kebangsaan. BruCERT mengeluarkan *advisories* yang mengandungi butiran teknikal dan cadangan pembaikan, serta *alerts* secara *realtime* supaya pihak berkepentingan dapat mengambil langkah pencegahan dengan segera. BruCERT juga terlibat dalam perkongsian risikan ancaman di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Kita mengetahui bahawa ancaman siber tidak mengenal sempadan dan maklumat yang diperoleh daripada satu insiden boleh membantu negara lain membuat persediaan lebih awal.

Ketiga, dari segi pencegahan dan membina daya tahan masyarakat, inisiatif *Secure Verify Connect (SVC)* digunakan sebagai platform digital untuk menyebarkan amaran ancaman dan panduan perlindungan, khususnya kepada sekolah, komuniti dan golongan vulnerable, termasuk warga emas serta Orang Kelainan Upaya (OKU), melalui kerjasama pelbagai sektor.

Bagi menilai keberkesannya, CSB melaksanakan *BruCERT Online Safety Awareness Survey* setiap tahun. Hasil kajian 2024 hingga 2025 menunjukkan peningkatan kesedaran dan perubahan tingkah laku positif orang awam, termasuk penggunaan *antivirus*, Wi-Fi yang lebih selamat, kata laluan yang kukuh serta pengasingan antara peranti kerja dan peribadi. Walau bagaimanapun, ianya diakui bahawa masih terdapat ruang untuk memperkukuh pengukuran hasil perubahan tingkah laku (*behavioral outcome*).

Dalam masa yang sama jua, AITI telahpun mengendalikan portal Waspada.bn sebagai saluran semakan kesahihan maklumat atau *fact-checking*, selain memberi amaran mengenai taktik penipuan terkini, akaun atau tawaran palsu serta menyediakan saluran untuk melaporkan kandungan yang mencurigakan.

Keempat, dari segi perundangan, kawal selia dan penguatkuasaan, Kementerian melihat aspek ini sebagai pelengkap kepada keupayaan teknikal. Kita semua mengetahui bahawa teknologi sahaja tidak mencukupi tanpa kerangka perundangan yang jelas, kawal selia yang berkesan dan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

Dalam hal ini, *Content Advisory Council (CAC)* menyelaraskan kerjasama antara agensi di peringkat kebangsaan dalam menangani isu kawal selia, penguatkuasaan dan pengurusan kandungan digital, termasuk pemantauan kandungan di internet dan media sosial.

Pada masa yang sama, Kementerian akan terus memastikan tindakan kawal selia dan penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa, dengan mengambil kira perlindungan orang awam, keselamatan dan ketenteraman sosial serta perkembangan ruang digital yang bertanggungjawab.

Dalam memperkukuh mekanisme pelaporan dan tindak balas terhadap penipuan, portal *Scamwatch* akan dibangunkan sebagai platform pelaporan utama untuk membolehkan maklumat disalurkan dengan lebih cepat kepada pihak-pihak yang berkaitan. Ini seterusnya akan menyokong tindak balas yang lebih pantas bagi menyekat pemindahan dana mangsa dan meningkatkan peluang untuk mendapatkan semula wang yang telah hilang.

Selain itu, dari segi kerjasama dengan penyedia platform digital global, AITI, CSB dan Pasukan Polis Di-Raja Brunei (PPDB) turut menjalin kerjasama strategik dengan penyedia seperti Meta bagi perkongsian maklumat ancaman, koordinasi respons serta permohonan penurunan kandungan yang melanggar piawaian platform, termasuk berita palsu, penipuan serta kandungan berunsur kebencian, keganasan dan hasutan.

Kerjasama ini penting kerana sebahagian ancaman digital berlaku dalam ekosistem platform global. Dengan adanya saluran kerjasama yang berkesan, maklumat mengenai ancaman dapat disampaikan dengan lebih cepat dan tindakan sewajarnya dapat diambil.

Kesimpulannya, pendekatan Kementerian bukan sekadar bertindak selepas sesuatu ancaman berlaku, tetapi membina satu rangka kerja yang menyeluruh, merangkumi pengesanan awal, perkongsian maklumat, pendidikan dan daya tahan masyarakat, perundangan dan penguatkuasaan serta kerjasama dengan penyedia platform digital.

Kementerian berharap dengan adanya pendekatan bersepadu ini, kita berharap ancaman digital dapat dikenal pasti lebih awal, tindakan dapat diambil dengan lebih pantas dan, yang paling penting, keselamatan serta kesejahteraan masyarakat akan terus dilindungi dalam persekitaran digital yang semakin kompleks.

---

**No. Soalan: PL294****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN****TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan penilaian Kementerian terhadap keberkesanan sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP) telah dikuatkuasakan sejak 1hb Oktober 2013 dalam mengurangkan kemalangan dan kesalahan lalu lintas? Berapakah jumlah pemandu yang telah dikenakan mata demerit, lesen yang digantung atau dibatalkan, serta adakah kementerian bercadang menambah baik sistem tersebut berdasarkan penilaian semasa?

**JAWAPAN:**

Pertama – Keberkesanan SiKAP. Untuk makluman, SiKAP telah diperkenalkan bagi meningkatkan disiplin dan pematuhan pemandu terhadap peraturan lalu lintas melalui sistem mata demerit. Matlamatnya bukan semata-mata untuk menghukum, tetapi untuk mencegah kesalahan berulang dan membentuk tingkah laku pemanduan yang lebih selamat.

Dari segi keberkesanan, Kementerian berpandangan bahawa sumbangan SiKAP terhadap pengurangan kemalangan tidak boleh diukur secara berasingan, kerana kemalangan jalan raya dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk tingkah laku pengguna jalan raya, keadaan jalan, kenderaan dan persekitaran.

Walau bagaimanapun, SiKAP kekal sebagai salah satu instrumen penting keselamatan jalan raya, khususnya dalam mengenal pasti dan memantau kesalahan pemanduan yang berisiko. InsyaAllah, Kementerian melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) akan terus meneliti data kesalahan bagi mengenal pasti corak pemanduan berisiko dan ruang penambahbaikan yang bersesuaian.

Kedua – Pelaksanaan dan mata demerit. Berdasarkan rekod JPD bagi tempoh 2024 sehingga Jun 2026, sebanyak 407 kes telah dikenakan mata SiKAP. Antara tiga kesalahan terbanyak dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ialah:

- i. memandu kenderaan dengan tayar botak – 180 kes, 3 mata demerit;
- ii. muatan jatuh dari kenderaan sehingga membahayakan pengguna jalan raya – 67 kes, 3 mata demerit; dan
- iii. memandu tanpa lesen memandu yang sah – 38 kes, 6 mata demerit.

- iv. Bagi penggunaan telefon bimbit semasa memandu, yang boleh dikenakan 12 mata SiKAP, sebanyak 3 kes direkodkan pada 2024, 11 kes pada 2025 dan 4 kes pada 2026, setakat Julai.

Angka-angka ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan perlu terus disokong oleh pendidikan dan pencegahan, kerana matlamat kita bukan sekadar merekod kesalahan, tetapi mengurangkan tingkah laku berisiko di jalan raya.

Ketiga – Tindakan terhadap lesen memandu. Setakat ini, belum ada lesen pemandu yang digantung di bawah SiKAP. Bagi pembatalan lesen, tindakan adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan keadaan kes yang berkenaan. Dalam konteks ini, perkara yang penting ialah memastikan sistem dapat mengenal pasti pemandu yang melakukan kesalahan secara berulang, supaya tindakan yang bersesuaian dapat diambil mengikut tahap kesalahan dan peruntukan yang ditetapkan.

Dengan yang demikian, keberkesanan SiKAP bukan hanya diukur melalui jumlah mata yang diberikan, tetapi juga sejauh mana maklumat tersebut dapat digunakan untuk mencegah kesalahan berulang dan meningkatkan keselamatan jalan raya.

Keempat – Penambahbaikan melalui digitalisasi. Kementerian berpandangan bahawa SiKAP perlu terus diperkukuhkan selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan penguatkuasaan masa kini. Sehubungan itu, penambahbaikan akan dilaksanakan melalui fasa kedua Projek Pendigitalan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pengangkutan Darat (DriveBN) di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Antara penambahbaikan ialah fungsi pengiraan mata demerit secara automatik, yang akan mengurangkan proses manual dan memastikan pengiraan dibuat dengan lebih konsisten.

Melalui fungsi *Application Programming Interface* (API) Integration, DriveBN juga akan membolehkan perkongsian dan pemantauan maklumat mata demerit dengan lebih berkesan oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Dengan sistem yang lebih bersepadu, rekod kesalahan dapat digunakan dengan lebih cepat untuk mengenal pasti pemandu yang mempunyai tren kesalahan berulang dan membolehkan tindakan yang bersesuaian diambil.

Kelima – Hala tuju keselamatan jalan raya. Penambahbaikan SiKAP tidak dilihat sebagai satu usaha yang berdiri sendiri. Ia merupakan sebahagian daripada pendekatan keselamatan jalan raya yang lebih menyeluruh, meliputi pendidikan, pencegahan, penguatkuasaan, infrastruktur, teknologi serta penggunaan data yang lebih baik.

Kita tidak mahu SiKAP hanya menjadi sistem untuk merekod kesalahan selepas ia berlaku. Sebaliknya, kita mahu ia menjadi alat pencegahan yang membantu mengenal pasti tingkah laku berisiko dan membolehkan tindakan dibuat sebelum kesalahan tersebut membawa kepada kemalangan yang lebih serius.

Oleh itu, Kementerian akan terus menilai dan memperkukuhkan SiKAP berdasarkan data dan perkembangan semasa, termasuk dari segi pengiraan mata, perkongsian maklumat, penguatkuasaan dan fungsi pencegahannya.

Ingin dirangkumkan pendekatan ini dengan satu matlamat: kita bukan mahu mempunyai sistem yang mencatat sebanyak mungkin mata demerit, tetapi sistem yang dapat membantu mengubah tingkah laku pemandu, mencegah kesalahan berulang dan, pada akhirnya, mengurangkan risiko kemalangan serta melindungi nyawa semua pengguna jalan raya.

---

No. Soalan: PL221

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA  
JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG  
HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA  
KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil penilaian impak Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Pendidikan Umum dari segi kefahaman, penerapan dan penghayatan syakhsyah ugama khususnya Fardhu 'Ain, bermula peringkat pendidikan rendah bagi membimbing generasi muda melalui proses pembelajaran berterusan khususnya pemeliharaan dan pengukuhan yang mantap terhadap aqidah pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah?

**JAWAPAN:**

Alhamdulillah, Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Pendidikan Umum mula dilaksanakan pada 1 November 2023. Sejak pelaksanaannya, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama terus bekerjasama dalam pembangunan kurikulum, penyediaan buku teks, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta penilaian pencapaian murid.

Kurikulum Pendidikan Islam telah dibangunkan dengan penglibatan pakar-pakar daripada Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Jabatan Mufti Kerajaan. Setakat ini, kurikulum Pendidikan Islam bagi murid Tahun 2 dan Tahun 3 telah dihasilkan dan dilaksanakan secara berperingkat.

Kandungan kurikulum merangkumi Tauhid, Ibadah, al-Quran, Akhlak, Amali Ugama, Sejarah Islam dan Pelajaran Jawi. Kandungan tersebut disusun berdasarkan tahap perkembangan, keupayaan dan keperluan pembelajaran murid. Pendekatan ini membolehkan murid memahami asas-asas agama sejak peringkat awal dan seterusnya memperkukuh pengetahuan serta amalan Fardhu 'Ain secara tersusun dan berkesinambungan pada setiap tahun persekolahan.

Dari segi kefahaman, penerapan dan penghayatan syakhsyah ugama, penilaian dan pemantauan dikekalkan secara berterusan melalui penilaian formatif dan sumatif selaras dengan Garis Panduan *Student Assessment*. Murid dinilai melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, *Assessment Task* pada setiap penggal serta Peperiksaan Berasaskan Sekolah pada akhir tahun.

Bagi memastikan keseragaman pelaksanaan di semua sekolah, *Assessment Task*, instrumen penilaian, skema pemarkahan dan rubrik penilaian disediakan secara berpusat oleh Jabatan Pengajian Islam. Markah penilaian direkodkan secara dalam talian bagi membolehkan data pencapaian murid dikumpulkan, dianalisis dan dipantau secara berpusat. Dapatan penilaian tersebut digunakan untuk menambah baik kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta program sokongan dari semasa ke semasa.

Dalam aspek penguasaan al-Quran, satu matriks khas telah dibangunkan bagi menetapkan tahap penguasaan bacaan Iqra' dan al-Quran mengikut peringkat umur. Penilaian formatif turut dilaksanakan bagi Komponen al-Quran dan Amali Uagama untuk memantau perkembangan murid secara berterusan.

Dalam aspek penerapan Fardhu 'Ain, Jabatan Pengajian Islam turut melaksanakan Program Bimbingan Shalat bagi Murid Tahun 2. Pencapaian murid dinilai melalui tiga komponen utama, iaitu wudhu, sembahyang dan hafalan surah-surah. Rekod Shalat Fardhu di Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta juga disediakan bagi murid Tahun 2 hingga Tahun 5 untuk membantu pihak sekolah memantau dan memperkukuh pelaksanaan sembahyang fardhu lima waktu dalam kalangan murid.

Selain itu, Program Bilal dan Imam Cilik dilaksanakan bagi memberikan pengalaman praktikal kepada murid serta membina keyakinan, kepimpinan, disiplin dan penghayatan terhadap amalan keagamaan.

Bagi memastikan kandungan kurikulum berlandaskan aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Bahagian Sukatan Pelajaran, Bahagian Penilaian dan Jabatan Pengajian Islam sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Mufti Kerajaan dalam menyemak dan mengemaskini kandungan Pendidikan Islam. Kurikulum prasekolah bagi kanak-kanak berumur lima tahun turut disediakan dengan memberikan pendedahan awal kepada bacaan Iqra', huruf hijaiyah dan Bahasa Arab sebagai asas pendidikan Islam.

Secara keseluruhannya, pengintegrasian ini telah menjadikan pengajaran Pendidikan Islam lebih tersusun, bersepadu dan berkesinambungan. Penilaian terhadap kefahaman, penguasaan amali Fardhu 'Ain dan penghayatan syakhsiyah uagama akan terus dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan murid bukan sahaja memperoleh pengetahuan agama, tetapi mampu mengamalkannya dalam kehidupan seharian serta berpegang teguh kepada aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah.



---

**No. Soalan: PL228****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE****TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah bagi melindungi bakal pelajar daripada penipuan berkaitan biasiswa luar negara, kemasukan ke universiti dan program pembangunan atau pertukaran belia sebelum mereka memberikan maklumat peribadi atau membuat pembayaran, termasuk sama ada mekanisme pengesahan berpusat akan diperkenalkan.

**JAWAPAN:**

Bagi melindungi bakal pelajar daripada penipuan berkaitan biasiswa luar negara, kemasukan ke universiti dan program pembangunan atau pertukaran belia, Kementerian menyediakan 3 langkah utama.

Pertama: Bakal pelajar yang berhasrat mengikuti pengajian, khususnya di luar negara adalah dinasihatkan supaya membuat semakan dengan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) sebelum menerima tawaran atau membuat sebarang komitmen. MKPK merupakan badan rujukan rasmi bagi menyemak status pengiktirafan institusi, program dan kelulusan dalam dan luar negara.

Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa MKPK berperanan dalam urusan pengiktirafan akademik sahaja dan bukan untuk mengesahkan bahawa setiap tawaran tersebut adalah bebas daripada unsur penipuan.

Kedua: Bakal pelajar bolehlah merujuk kepada Jabatan Pengurusan Biasiswa untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat berkaitan biasiswa luar negara sebagai usaha untuk mengesahkan tawaran. Jabatan Pengurusan Biasiswa ada menyalurkan maklumat berkaitan biasiswa luar negara yang diterima secara rasmi daripada kerajaan asing, institusi atau agensi luar negara melalui saluran rasmi Kementerian Pendidikan, termasuk laman sesawang dan media sosial.

Bagi kemasukan ke universiti serta program pembangunan atau pertukaran belia, bakal pelajar hendaklah membuat pengesahan secara langsung dengan institusi, penaja, kementerian, agensi atau penganjur rasmi yang bertanggungjawab terhadap tawaran atau program berkenaan.

Ketiga: Sebelum memberikan maklumat peribadi atau membuat pembayaran, bakal pelajar mestilah meminta pengesahan dari institusi berkenaan melalui makluman perhubungan rasmi. Pelajar juga dinasihatkan supaya tidak memberikan maklumat sensitif seperti salinan kad pengenalan atau passport, butiran akaun bank, kata laluan atau kod pengesahan kepada mana-mana pihak sebelum identiti pihak berkenaan dan saluran perhubungannya disahkan.

Mengenai cadangan mekanisme pengesahan berpusat, pada masa ini fungsi rujukan dan khidmat nasihat dilaksanakan melalui saluran rasmi mengikut bidang masing-masing. MKPK merupakan badan rujukan rasmi bagi pengiktirafan institusi, program dan kelulusan, manakala Jabatan Pengurusan Biasiswa memberikan maklumat serta khidmat nasihat berkaitan biasiswa luar negara.

Orang ramai boleh mendapatkan khidmat nasihat secara langsung daripada Urus Setia MKPK dan Jabatan Pengurusan Biasiswa di Pusat Perkhidmatan Setempat atau *One-Stop Centre*, Bangunan Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, pengesahan kesahihan sesuatu tawaran masih perlu dibuat dengan institusi, penaja, penganjur atau agensi rasmi yang berkaitan.

Kementerian Pendidikan akan terus memperkukuh penyampaian maklumat melalui laman sesawang dan media sosial rasmi, di samping meningkatkan kesedaran pelajar dan ibu bapa melalui program hala tuju, jerayawara serta khidmat nasihat berkaitan peluang pengajian dan biasiswa.

---

No. Soalan: PL289

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT

TARIKH : 10.08.2026 [ISNIN]

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan langkah strategik Kementerian bagi memastikan inisiatif perkhidmatan *fast shipment* yang kini giat diperkasakan, mampu menjana pembelian berulang (*repeat orders*) serta meluaskan penembusan produk tempatan ke pasaran antarabangsa? Apakah pelan tindakan konkrit untuk menurunkan kos logistik rentas sempadan bagi PMKS tempatan?

**JAWAPAN:**

Pada asasnya, untuk membolehkan produk tempatan bersaing di pasaran antarabangsa, bukan sahaja produknya perlu berkualiti, tetapi penghantarannya juga mestilah cepat, konsisten dan berdaya saing dari segi kos.

Dalam hal ini, peranan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi adalah sebagai pemudah cara dalam memastikan ekosistem pengangkutan dan logistik negara dapat menyokong perdagangan, termasuk eksport dan e-dagang.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pendekatan Kementerian adalah melalui tiga perkara utama iaitu:

Pertama, mempercepatkan pergerakan barangan. Dalam sektor pengangkutan darat, Jabatan Pengangkutan Darat sedang melaksanakan pendigitalan *Cross Border Permit* bagi kenderaan komersial yang membawa barangan rentas sempadan, yang disasarkan siap menjelang Januari 2027.

Dengan pendigitalan ini, proses permohonan dan kelulusan permit akan menjadi lebih mudah dan pantas, di samping mengurangkan proses manual dan masa menunggu. Ini amat penting bagi PMKS yang memerlukan penghantaran yang lebih kerap dan konsisten.

Bagi last-mile delivery pula, perkhidmatan pada masa ini disediakan oleh PosBru Sdn Bhd serta lima belas (15) penyedia perkhidmatan *Courier, Express and Parcel* (CEP) yang dilesenkan oleh AITI. Kepelbagaian penyedia ini memberikan pilihan kepada pengguna dan peniaga untuk memilih perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan dan kos masing-masing.

Kedua, mengurangkan kos setiap penghantaran. Bagi PMKS yang membuat penghantaran dalam kuantiti kecil, salah satu pendekatan yang boleh membantu ialah *shipment consolidation*, iaitu menggabungkan beberapa penghantaran dalam satu konsainan melalui *freight forwarders*. Ini dapat mengoptimumkan ruang dan kapasiti penghantaran, sekali gus berpotensi mengurangkan kos seunit bagi pengeksport.

Di samping itu, Kementerian sedang melihat kos logistik secara keseluruhan dan bukan hanya caj penghantaran kepada pelanggan. Ini termasuk memperkemaskan proses, dokumentasi dan pengendalian kargo supaya mengurangi kelewatan dan kos tambahan di sepanjang rantai bekalan.

Untuk sektor maritim, Kementerian juga sedang meneliti langkah-langkah meningkatkan daya saing kos logistik negara, termasuk kajian terhadap kos perkhidmatan pandu arah kapal atau *pilotage* serta caj-caj pelabuhan yang bersesuaian.

Ketiga, memperluaskan pilihan dan kesalinghubungan pengangkutan. Dalam sektor udara, Jabatan Penerbangan Awam telah menerima beberapa permohonan daripada syarikat penerbangan asing untuk beroperasi ke Negara Brunei Darussalam.

Sekiranya direalisasikan, pertambahan perkhidmatan ini akan meningkatkan pilihan dan kapasiti pengangkutan udara, termasuk bagi kargo, serta berpotensi mewujudkan persaingan yang lebih sihat dan kadar pengangkutan yang lebih kompetitif.

Dalam sektor maritim pula, penambahan perkhidmatan perkapalan oleh syarikat seperti SITC dan *Warisan Shipping Line* telah memberikan lebih banyak pilihan hubungan dengan pelabuhan utama di rantau ini.

Bagi PMKS, lebih banyak pilihan laluan dan perkhidmatan bermakna lebih banyak peluang untuk memilih kaedah penghantaran yang sesuai dari segi kos, tempoh dan jumlah barangan.

Kesemua usaha ini akan diselaraskan melalui *Brunei Logistics and Transshipment Task Force* (BLTTF) serta pembangunan *National Multimodal Logistics Master Plan*, dengan kerjasama Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) serta pihak industri.

Fokusnya adalah untuk mengintegrasikan pengangkutan udara, darat dan maritim, mendigitalkan proses dan dokumentasi, memperkemaskan operasi serta meningkatkan penyelarasan di sepanjang rantai bekalan.

Perlu juga dijelaskan bahawa bagi kadar perkhidmatan penghantaran, khususnya perkhidmatan CEP, penetapan harga pada asasnya adalah pertimbangan komersial penyedia perkhidmatan, berdasarkan antara lain destinasi, berat dan saiz bungkusan serta jenis perkhidmatan.

Peranan AITI adalah memastikan pematuhan terhadap keperluan pelesenan dan memantau kadar yang dikemukakan oleh penyedia perkhidmatan. AITI tidak menetapkan kadar harga kerana harga adalah dipengaruhi oleh mekanisme pasaran dan persaingan.

Matlamat Kementerian bukan semata-mata untuk memastikan barang dapat dihantar dengan cepat. Yang lebih penting ialah memastikan produk tempatan dapat dihantar dengan cepat, boleh dipercayai dan pada kos yang lebih kompetitif. Apabila masa penghantaran dapat dipendekkan, proses dipermudahkan, pilihan laluan ditambah dan kos dapat dioptimumkan, PMKS akan lebih berupaya menawarkan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan antarabangsa.

Ini seterusnya dapat meningkatkan keyakinan pelanggan, mendorong pembelian berulang dan membuka lebih banyak peluang untuk produk Brunei menembusi pasaran serantau dan antarabangsa.

Insyallah, melalui pengukuhan ekosistem logistik secara menyeluruh dan kerjasama rapat dengan pihak industri, Kementerian akan terus berusaha memastikan sistem logistik negara menjadi lebih cekap, berdaya saing dan menyokong pertumbuhan PMKS serta eksport produk tempatan.